

Menanti visi Anwar jadikan ASEAN kuasa hebat disahut rakan serantau

- Perdana Menteri tidak berselindung menyatakan visi lebih besarnya untuk melihat kerangka ASEAN dianggotai 10 negara dapat berdiri sebagai sebuah kuasa besar dan digeruni

- Anwar tidak menafikan aspek kerjasama cukup penting, namun setiap negara anggota perlu mempunyai kekuatan domestik supaya kekentalan ASEAN secara kolektif dapat digembleng

Oleh Adha Ghazali
adha@bh.com.my



Pengarang Benta BH

Berakhir lawatan rasmi dua hari Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Bangkok, Thailand. Cukup singkat waktunya, namun perlu diakui hasil dicapai melalui lawatan itu 'bukan seperti kecil anak'.

Memenuhi jadual disusun cukup padat, Perdana Menteri jelas memanfaatkan sepenuhnya ruang yang ada untuk bertemu sebanyak mungkin kelompok utama di negara terkenal dengan jolokan 'Gajah Putih' itu.

Sudah tentu pertemuan empat mata bersama rakan sejawatnya, Prayuth Chan o-cha, menjadi agenda utama. Banyak isu membabitkan kepentingan dua hala dibangkit dan dipersetujui, malah maklum balas diterima pihak Thailand juga cukup positif.

Namun, bagi Anwar kepentingan hubungan dua hala bukan sekadar membabitkan Perdana Menteri kedua-dua negara. Ia sebaliknya perlu digarap seluas mungkin menjangkau segenap kelompok dan lapisan.

Malaysia dan Thailand seperti diakui Anwar memiliki banyak persamaan apatah lagi berkongsi jajaran sempadan darat cukup panjang. Tidak hairanlah Anwar membicarakan Malaysia bukan sekadar jiran, malah rakan dan keluarga buat Thailand.

Thailand seperti diketahui adalah rakan dagangan ketujuh terbesar Malaysia di peringkat global dan ketiga terbesar dalam kalangan negara anggota ASEAN dengan jumlah dagangan bernilai RM122.03 bilion (AS\$27.75 bilion).

Ia peningkatan 17.9 peratus berbanding nilai dicatatkan pada 2021. Dalam konteks di Thailand,

secara spesifik, komuniti Islam meskipun berstatus minoriti di negara itu tetap dianggap teras di mata Anwar. Malah beliau cukup berterima kasih kepada Chan o-cha yang dilihatnya menjaga dengan baik komuniti Islam di Thailand.

Pendekatan sebegini cukup penting jika Thailand mahu rundingan damai kini sedang digerak untuk menamatkan konflik di selatan negara itu, berhasil. Bak kata Anwar, kepercayaan itu harus datang terlebih dahulu.

Konflik di wilayah selatan ini tercetus sejak berdekad lamanya, namun semakin memuncak bermula 2004 dengan sehingga kini direkod meragut lebih 7,000 nyawa.

Rundingan damai antara kerajaan dan pemberrontak juga bukan perkara baharu, malah pernah digerakkan bermula 2013 sebelum terhenti akibat rampasan kuasa tentera di Thailand setahun kemudian. Rundingan kemudian diteruskan tanpa membabitkan parti utama termasuk Barisan Revolusi Nasional (BRN).

Mesej cukup jelas

Kini Malaysia memainkan peranan penting sebagai fasilitator atau 'orang tengah' dalam rundingan damai konflik selatan Thailand. Tanggungjawab besar digalas negara, selain harapan disandarkan kepada Anwar sendiri dilihat memiliki 'kapasiti' dan pengaruh untuk memudah cara rundingan.

Ketika bercakap kepada komuniti Islam dan kelompok diaspora di Bangkok, Anwar memberi mesej cukup jelas termasuk menyampaikan pendirian Malaysia menolak keganasan sebagai jalan penyelesaian terhadap apa juga masalah. Mesej itu perlu didengari dan difahami semua.

Anwar turut mengulangi komitmen beliau dalam konteks selatan Thailand. Ia bermatlamat untuk membina dan memperkukuh rasa percaya. Defisit kepercayaan dalam kalangan kedua-dua

pihak sekian lama menjadi antara punca mengapa soal rundingan damai dan konflik di selatan Thailand tidak pernah menemui jalan penamat.

Apa pun, isu selatan Thailand bukan satu-satunya tumpuan Anwar. Seperti disebut beliau, segala isu dan permasalahan menjadi kepentingan bersama disentuh meliputi aspek pelaburan, perdagangan dan pembangunan.

Perdana Menteri percaya jika semua ini dapat digembleng, potensi kedua-dua negara akan lebih menyerlah. Dalam konteks lebih besar, misi Anwar sendiri dalam kunjungan kali ini bukan sekadar berkisar kepada hubungan Malaysia-Thailand, sebaliknya melebar kepada kerangka lebih luas iaitu mencakupi konteks ASEAN.

Sebab itu, Perdana Menteri menjelaskan kunjungan beliau ke tiga negara ASEAN sebelum ini iaitu Indonesia, Brunei Darussalam dan Singapura mempunyai hubung kait sangat rapat dengan misinya ke Thailand.

Benar setiap negara dilawati ada relevannya tersendiri, namun Anwar tidak berselindung menyatakan visi lebih besarnya - untuk melihat kerangka ASEAN dianggotai 10 negara dapat berdiri sebagai sebuah kuasa besar dan digeruni.

Beliau tidak menafikan aspek kerjasama cukup penting, namun setiap negara anggota juga perlu mempunyai kekuatan domestik tersendiri supaya kekentalan ASEAN secara kolektif dapat digembleng.

"Kita mewarisi kejayaan luar biasa dalam kerjasama ASEAN, namun malangnya kita terpaksa bergelut dengan masalah China dan Amerika Syarikat (AS). Sedikit yang boleh kita lakukan, tetapi penting untuk memastikan kita kekal berkaki ketika terbabit dengan dua negara ini sambil mendapat manfaat daripada aturan dan kemudahan baharu, untuk memberi kesan positif kepada sebahagian besar rakyat kita.

"Kita perlu mendorong perdagangan dan pelaburan dengan menggunakan kelebihan dalam perbezaan yang ada," kata Anwar sambil menyuarakan kebimbangan kelemahan dalam ASEAN berisiko mengundang campur tangan kuasa besar.

Yang pastinya, Anwar sudah menyatakan visi beliau itu kepada teraju di empat negara dilawatnya, dengan Filipina bakal menyusul sedikit masa lagi.

Benar seperti diakui Anwar beliau anggota paling 'junior' dalam kalangan ketua negara ASEAN, namun itu tidak bermakna pandangan dan visi beliau boleh ditolak ke tepi apatah lagi dengan rekod beliau sebagai seorang 'internasionalis' seperti digambarkan Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambri Abd Kadir. Kini persoalan ditunggu-tunggu, apakah visi mengangkat ASEAN sebagai sebuah kuasa hebat disahut rakan dalam kalangan 10 negara anggota.



Anwar bersalaman dengan pemimpin-pemimpin Islam Thailand selepas menunaikan solat Jumaat di Pusat Islam Thailand, baru-baru ini. (FOTO BERNAMA)